

1012

## PENERIMAAN MUALAF TERHADAP PELAKSANAAN PENGAJARAN DI INSTITUT DAKWAH ISLAMIAH PERKIM (IDIP)

Ain Nathasha Omar, Mariam Abd. Majid, Noraini Mohamad

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[ainnatashaomar@kuis.edu.my](mailto:ainnatashaomar@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

*Insititut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) Pengkalan Chepa, Kelantan merupakan salah satu pusat pengajian terkenal dan berperanan penting dalam mengajar dan mendidik mualaf. Ramai lepasan pelajar mualaf yang dilahirkan di IDIP ini telah berjaya menjadi pendakwah dan tokoh ilmuan yang disegani. Justeru, penulisan ini mengkaji penerimaan mualaf dari aspek kaedah pengajaran, modul pelaksanaan pengajaran dan bahan pengajaran di IDIP. Metode kajian yang digunakan adalah metode kuantitatif. Kaedah pengumpulan data adalah melalui soal selidik bersama peserta kajian yang terdiri daripada mualaf yang merupakan pelajar di IDIP. Hasil kajian mendapatkan tahap penerimaan pelajar terhadap kaedah pengajaran berada pada tahap rendah iaitu mencatatkan nilai min = 2.30 dengan sisihan piawai = 0.49. Tahap penerimaan mualaf terhadap modul pengajaran juga berada pada tahap rendah iaitu mencatatkan nilai min = 2.00 dengan sisihan piawai = 0.45. Begitu juga dengan tahap penerimaan mualaf terhadap modul pengajaran yang berada pada tahap rendah iaitu mencatatkan nilai min = 2.30 dengan sisihan piawai = 0.58. Kepentingan kajian ini adalah untuk memberi gambaran kepada tenaga pengajar mualaf khususnya dan para pendakwah serta masyarakat Islam umumnya tentang penerimaan mualaf terhadap kaedah, modul dan bahan pengajaran yang boleh tambah baik kepada institusi dalam usaha mengajar mualaf tentang Islam dengan lebih efektif dan berkesan.*

**Kata Kunci:** Penerimaan Pengajaran, Mualaf, Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP).

### 1. PENGENALAN

Proses pengajaran dan pembelajaran kepada mualaf amat penting diberi penekanan kerana ia merupakan titik permulaan kepada mualaf untuk mengenali Islam secara lebih dekat. Proses pelaksanaan pengajaran yang baik dan bersesuaian dengan golongan mualaf akan memberi impak yang besar kepada mereka untuk memahami, menghayati dan mengamalkan ajaran Islam secara lebih konsisten. Penggunaan istilah mualaf atau saudara muslim diberikan kepada mereka yang baru memeluk Islam di Malaysia. Namun kebanyakkan di antara kita lebih gemar menggelarkan saudara yang baru memeluk Islam dengan gelaran mualaf. Istilah ini diambil dalam al-Quran daripada perkataan “muallafa qulubuhum” (9:60) yang bermaksud mereka yang dijinakkan hatinya.

Justeru kajian ini akan mengkaji IDIP sebagai salah sebuah institusi pengajian mualaf dan menganalisis proses pelaksanaan pengajaran terhadap golongan mualaf yang dilaksanakan di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) bertempat di Pengkalan Chepa, Kelantan. Antara beberapa perkara yang dilihat dalam kajian ini ialah latar belakang Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) dan tahap penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran yang telah dijalankan di IDIP. Selain tenaga pengajar dan pelajar mualaf, pihak pengurusan juga terlibat sebagai sampel kajian.

### 2. PERNYATAAN MASALAH

Kajian mendapatka kaedah pengajaran konvensional terhadap mualaf dilihat tidak mampu menghasilkan kefahaman yang mendalam dalam pembelajaran akidah, sedangkan pengajaran akidah adalah perkara yang paling utama dan penting untuk difahami selepas memeluk Islam. Oleh sebab itu, konsep al-tadarruj dalam pengajaran pendidikan Islam menekankan aspek akidah terlebih dahulu berbanding dengan aspek yang lain. Kemudian ia diikuti oleh syariat dan akhlak. Justru kajian ini melihat penerimaan saudara baru terhadap pendekatan yang digunakan oleh tenaga pengajar di IDIP.

Mualaf kurang kefahaman dan penghayatan dalam pendidikan Islam. Berdasarkan kajian yang telah dibuat sebelum ini, sebanyak 23.6% yang mewakili mualaf kurang kefahaman atau kurang memahami ajaran Islam di samping tidak mampu mempelajari Islam kerana buta huruf (MAIS, 2013). Zulkifli Abdul Hamid (2013) pula menyatakan bahawa masih terdapat dalam kalangan mualaf yang telah memeluk Islam selama lima tahun tetapi masih tidak mampu untuk membaca al-Fatihah.

Melalui permasalahan yang dinyatakan menunjukkan proses pelaksanaan pengajaran kepada mualaf masih berada pada tahap yang perlu dikaji dan diperbaiki. Ini kerana kefahaman mualaf mengenai ajaran Islam perlu dipertingkatkan agar ia dapat dijelmakan dalam kehidupan seharian mereka melalui penghayatan dan amalan mereka yang lebih konsisten.

### **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas yang dibentangkan dalam pernyataan masalah sebelum ini, maka beberapa objektif telah disusun bagi menghasilkan satu kajian yang boleh menjawab kepada beberapa permasalahan kajian tersebut. Objektif kajian adalah sebagaimana berikut;

- i. Mengkaji IDIP sebagai salah sebuah institusi pengajian mualaf.
- ii. Menganalisis penerimaan pelajar mualaf terhadap pelaksanaan kaedah pengajaran yang dilaksanakan di IDIP.

### **4. METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian ialah teknik-teknik yang mengkaji secara teratur dan teliti mengenai aspek sesuatu masalah. Fungsinya adalah untuk mengenal pasti metod kajian, perincian mungkin tidak begitu penting memandangkan cara dan teknik mungkin boleh diubah suai selepas kajian awal dilakukan (Rohana Yusof, 2004). Metode kajian ini melibatkan reka bentuk, persampelan, pengumpulan data dan analisis data.

Kajian ini menggunakan metode kuantitatif dengan memilih kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Metode ini dipilih kerana ia bersesuaian dengan ‘nature’ kajian yang memerlukan kajian mendalam untuk pengumpulan maklumat. Metod ini menekankan mengenai pelaksanaan pengajaran mualaf di IDIP. Pelaksanaan pengajaran akan dianalisis melalui data soal selidik terhadap pelajar dengan menggunakan aplikasi SPSS. Penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran akan diukur berdasarkan teori Fishbein and Ajzen (1975) yang menekankan aspek tingkah laku dan tindakan akan menghasilkan sikap.

Pemilihan sampel secara bertujuan atau ‘purposive sampling’ digunakan dalam kajian ini. Justeru pemilihan IDIP sebagai sampel kajian kerana ia merupakan institut pengajian tinggi mualaf yang berdaftar di bawah KPT dan juga mendapat akreditasi MQA. IDIP juga merupakan institusi terawal di Malaysia yang diwujudkan untuk memenuhi keperluan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dalam melahirkan para pendakwah yang boleh menyampaikan Islam kepada masyarakat bukan Islam. Kini, institut ini telah melahirkan ramai pendakwah pelbagai bangsa yang kini bergerak aktif menyebarkan dakwah di pelusuk Malaysia. Berdasarkan kajian lepas yang menyatakan bahawa badan yang menjalankan pendidikan kepada muallaf secara formal hanya Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) yang terletak di Pengkalan Chepa, Kelantan. IDIP juga merupakan satu-satunya institut pendidikan yang mengeluarkan sijil pengiktirafan kepada muallaf selepas menamatkan pembelajaran (Razaleigh Muhamat @ Kawangit & Yusof Marlon: 2014).

Selain itu, kajian ini melibatkan peserta kajian yang terdiri daripada dua orang tenaga pengajar dan pengetua. Manakala responden kajian pula melibatkan 30 orang pelajar mualaf di IDIP.

Pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini melibatkan data soal selidik dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 30 pelajar mualaf di IDIP. Borang soal selidik telah diedarkan oleh guru kaunseling mereka bersama jumlah pelajar yang telah ditetapkan oleh pihak IDIP.

Dua kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis secara pendekatan ‘Grounded Theory’ dan deskriptif. Glaser dan Strauss (1967) menyatakan pendekatan analisis secara grounded theory adalah digunakan untuk mendapatkan data secara induktif terhadap fenomena yang dikaji. Justeru kajian memilih analisis dilakukan dengan menggunakan pendekatan grounded theory terhadap data yang diperoleh daripada dokumen dan soal selidik telah dianalisis secara deskriptif.

## **5. LATAR BELAKANG INSTITUT DAKWAH ISLAMIAH PERKIM (IDIP)**

Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) telah ditubuhkan pada akhir tahun 1961 yang bertempat di rumah banglo dua tingkat di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Sebelum ini, IDIP dikenali sebagai Pusat Latihan Mubaligh Darul Arqam dan seramai 24 pelajar telah diambil sebagai kumpulan perintis yang terdiri daripada anak-anak Melayu lepasan universiti-universiti India, di samping sekumpulan pelajar dari Korea Muslim Federation.

Pada tahun 1963, pusat ini terpaksa dihentikan kerana masalah yang dihadapi oleh PERKIM ketika itu. Pusat latihan ini diwujudkan semula pada tahun 1975, bertempat di No.250-D, Balai Islam Jalan Ipoh, Kuala Lumpur dengan nama Pusat Latihan Agama PERKIM. Pada tahun 1976, institut ini sekali lagi dipindahkan ke Wisma Selangor, Jalan Universiti, Petaling Jaya. Pusat ini telah bertukar nama pada tahun 1976 kepada Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). Institut ini berpindah ke Pengkalan Chepa, Kelantan pada tahun 1991 sehingga sekarang. IDIP merupakan badan dakwah rasmi yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sebagai sebuah institusi madrasah dan sekolah agama.

### **5.1 Objektif Penubuhan**

Sebagai sebuah badan atau organisasi yang menjadi antara pusat utama pengajaran bersistem kepada mualaf, ia ditubuhkan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Memberi kefahaman asas agama Islam kepada mualaf (mualaf) yang baru memeluk agama Islam dan keperluan melatih para pendakwah bagi membawa risalah Islam kepada masyarakat bukan Islam.
- ii. Mengkhususkan pengambilan pelajar daripada kalangan mualaf yang baru memeluk agama Islam dan melatih mereka yang layak untuk menjadi pendakwah.
- iii. IDIP menjadi satu-satunya pusat tabiah untuk mualaf di negara ini sejak penubuhannya lebih 40 tahun yang lalu sehingga kini.

### **5.2 Fungsi IDIP**

IDIP mempunyai beberapa fungsi penting bagi mualaf, antaranya ialah;

- i. Menyampaikan pendidikan Islam kepada mualaf supaya mereka mengenali, memahami dan menghayati Islam sebagai satu cara hidup.

- ii. Menawarkan program pengajian secara formal di peringkat Asas, Sijil, Diploma atau Ijazah.
- iii. Menawarkan program kurikulum kepada pelajar untuk melengkapkan mereka dengan pelbagai kemahiran hidup supaya mereka mampu berdikari apabila keluar daripada institusi.

### 5.3 Program Pengajian di IDIP

Kursus pengajian Islam yang ditawarkan di IDIP terbahagi kepada tiga peringkat iaitu KPPI, SAP dan SPI.

- i. Kursus Persediaan Pengajian Islam (KPPI)

Kursus Persediaan Pengajian Islam (KPPI) merupakan program pengajian yang memberi peluang kepada saudara kita yang tidak mempunyai kemampuan dan tidak bersedia untuk mengikuti sistem pengajian Islam secara formal di IDIP. Kursus ini menyediakan asas pengajian Islam yang minima kepada seseorang pelajar sebelum meneruskan pengajian ke program berikutnya. Kursus ini berjalan selama 4 bulan tetapi jika seseorang pelajar ingin melanjutkan tempoh pengajiannya di peringkat ini tertakluk kepada persetujuan pengetua IDIP selama tempoh pengajiannya yang tidak melebihi dua semester.

- ii. Sijil Asas Pengajian Islam (SAP)

Sijil Asas Pengajian Islam (SAP) merupakan program pengajian yang menawarkan pendidikan asas pengajian Islam kepada saudara kita selama setahun (2 semester) bagi membolehkan mereka mengenali dan mengamal cara hidup Islam yang sebenar. Mereka akan didedahkan dengan asas-asas ilmu fardu ain, al-Quran dan tajwid, sirah dan pengetahuan asas bahasa Arab. Kelayakan mengikuti SAP mestilah lulus daripada KPPI yang ditawarkan sebelum ini kecuali bagi pelajar-pelajar yang sudah memiliki sijil PMR atau kelulusan yang setaraf dengannya termasuk penilaian Pengetua IDIP.

- iii. Sijil Pengajian Islam (SPI)

Sijil Pengajian Islam (SPI) adalah program pengajian peringkat sijil yang telah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kurikulum kursus disemak dan digubal selaras dengan kehendak dan garis panduan yang ditetapkan oleh MQA. Bagi pelajar-pelajar yang ingin mengikuti pengajian ini mestilah memiliki SPM sekurang-kurangnya mendapat satu kepujian atau lulus daripada mengikuti SAP yang ditawarkan oleh IDIP sebelum ini.

### 5.4 Kemahiran

Selain daripada kursus pengajian Islam yang ditawarkan oleh IDIP kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajiannya di IDIP, terdapat juga latihan kemahiran yang ditawarkan bagi memberi pendedahan kepada para pelajar khususnya mualaf mengenai ilmu duniaawi. Antara ilmu kemahiran yang ditawarkan ialah ilmu berkaitan komputer seperti Microsoft Word, Excel, Power Point dan beberapa asas pencarian maklumat yang menggunakan internet. Selain daripada itu, kursus vokasional seperti menjahit dan bertukang turut ditawarkan yang dikendalikan oleh para pensyarah Institut Latihan dan Perindustriaan Kota Bharu (ILPKB) bertujuan mendidik mualaf dalam bidang kemahiran hidup.

### 5.5 Akademik

IDIP menyediakan kemudahan kursus persediaan awal bagi pelajar-pelajar yang ingin menduduki peperiksaan SPM dan STPM dengan mengadakan kelas bimbingan akademik untuk membolehkan para pelajar melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara. Antara subjek yang ditawarkan ialah Matematik, Bahasa Inggeris, Sejarah, Sains, Bahasa Melayu, Prinsip Akaun, bagi peringkat SPM manakala Pengajian Am, Sastera dan Bahasa Melayu pula bagi peringkat STPM. Pemberian elaun bagi guru-guru yang mengajar subjek seperti yang dinyatakan dibiayai sepenuhnya oleh tabung kebajikan IDIP itu sendiri tanpa mengenakan bayaran daripada pelajar-pelajar yang mengikuti kelas tersebut.

### 5.6 Laporan Kemasukan Pelajar

Menurut laporan, dari tahun 1975 sehingga 2012, seramai 2,061 orang telah mengikuti pengajian mereka di IDIP daripada pelbagai suku kaum di Malaysia dan juga pelajar-pelajar dari luar negara. Walau bagaimanapun, tidak semua pelajar menamatkan pendidikan mereka hingga ke tahap akhir kerana sebahagiannya berhenti kerana berkahwin, bekerja dan sebahagiannya gagal memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi meneruskan pengajiannya di IDIP.

## 6. MODEL KAJIAN

Sebelum menjalankan kajian ini, beberapa pendekatan telah diambil oleh pengkaji iaitu dengan mengumpul maklumat berkaitan kajian. Model dan teori kajian telah dicari bagi membentuk konseptual kajian yang lengkap. Sumber utama kajian ini adalah daripada al-Quran dan al-Sunnah. Sumber kaedah pengajaran pula diambil daripada metode pengajaran Rasulullah s.a.w sebagaimana tulisan yang dihasilkan oleh Abdul Fattah Abu Ghuddah (2009) dan disokong oleh beberapa sumber yang lain. Model pengajaran daripada tokoh pula diambil daripada model pengajaran Ibnu Khaldun (2006) dan al-Ghazali (2015), manakala teori pengajaran dewasa diambil daripada al-Rawi (1993) dan Knowles (1981). Kesemua model dan teori ini diolah sehingga melahirkan kaedah pengajaran yang bersesuaian untuk diaplikasikan kepada golongan mualaf.

## 7. DAPATAN KAJIAN SOAL SELIDIK

Dapatkan kajian terhadap pelaksanaan pengajaran mualaf di IDIP dianalisis dengan menggunakan kaedah soal selidik yang dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS. Analisis dapatkan kajian dihuraikan mengikut objektif kajian yang telah dinyatakan pada bahagian sebelumnya. Dapatkan kajian soal selidik diperoleh hasil edaran borang soal selidik kepada responden kajian seramai 30 orang pelajar mualaf di IDIP. Data ini dianalisis secara deskriptif melalui perisian SPSS. Dapatkan dihasilkan berdasarkan domain-domain berikut.

### 7.1 Penerimaan mualaf terhadap kaedah pengajaran

- Penerimaan mualaf terhadap kaedah pengajaran

Umumnya, hasil dapatkan kajian ini diambil daripada data analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai yang dijalankan bagi melihat penerimaan mualaf terhadap pelaksanaan seperti jadual 4 dibawah.

Jadual 3 Penerimaan Mualaf Terhadap Pelaksanaan Pengajaran di IDIP

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
-----	------	-----	-------------------	--------------

1	Tenaga pengajar melakukan aktiviti-aktiviti yang menarik perhatian pelajar untuk mendalami ilmu Islam	4.30	0.53	Tinggi
2	Tenaga pengajar menyusun langkah-langkah pengajaran bagi setiap subjek secara sistematis	4.37	0.61	Tinggi
3	Tenaga pengajar melaksanakan set induksi ketika hendak memulakan pengajaran	4.43	0.63	Tinggi
4	Tenaga pengajar mempelbagaikan set induksi setiap kali memulakan pengajaran	4.30	0.70	Tinggi
5	Tenaga pengajar memulakan sesi pengajaran dengan mengaitkan pengetahuan sedia ada	4.50	0.82	Tinggi
6	Tenaga pengajar sentiasa memastikan pelajar bersedia setiap kali waktu pengajaran	4.37	0.61	Tinggi
7	Soalan yang dikemukakan semasa permulaan pengajaran merangsang semangat belajar	4.30	0.84	Tinggi
8	Tenaga pengajar meneruskan sesi pengajaran tanpa membuka ruang sesi soal jawab bersama pelajar	2.50	1.50	Sederhana
9	Tenaga pengajar memulakan pengajaran dengan beramah mesra bersama pelajar terlebih dahulu	4.23	1.14	Tinggi
10	Tenaga pengajar mengajar dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran	4.40	0.50	Tinggi
11	Tenaga pengajar melakukan perubahan pengajaran berdasarkan pencapaian pelajar	4.23	0.63	Tinggi
12	Tenaga pengajar menekankan aspek kefahaman isi pelajaran semasa proses pengajaran	4.33	0.66	Tinggi
13	Tenaga pengajar memberi penekanan pengajaran kepada pelajar yang lemah	4.27	0.69	Tinggi
14	Penerangan isi pelajaran oleh tenaga pengajar mudah difahami	4.50	0.57	Tinggi
15	Tenaga pengajar hanya menggunakan kaedah tradisi dalam pengajaran	3.40	1.04	Tinggi
16	Tenaga pengajar kurang memberi tumpuan terhadap kefahaman pelajar	2.30	1.09	Rendah
17	Tenaga pengajar menunjukkan contoh yang menarik setiap kali proses pengajaran berlangsung	4.37	0.61	Tinggi
18	Tenaga pengajar menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran di dalam kelas	4.43	0.57	Tinggi

19	Tenaga pengajar meminta saudara baru melakukan semula latihan amali di dalam kelas sebagaimana yang ditunjukkan oleh tenaga pengajar (simulasi)	4.33	0.80	Tinggi
20	Tenaga pengajar melibatkan semua pelajar dalam aktiviti secara berkumpulan	4.40	0.56	Tinggi
21	Tenaga pengajar menyemak kefahaman pelajar setiap kali sesi pembelajaran berlangsung	4.33	0.55	Tinggi
22	Tenaga pengajar menunjukkan semangat untuk mengajar walaupun kepada pelajar yang lemah	4.43	0.73	Tinggi
23	Tenaga pengajar memberi perhatian kepada setiap pelajar semasa mengajar	4.57	0.50	Tinggi
24	Tenaga pengajar mengambil kira setiap kebolehan pelajar semasa mengajar	4.37	0.61	Tinggi
25	Cara pengajaran tenaga pengajar menyebabkan saya lebih berminat mempelajari ajaran Islam	4.63	0.49	Tinggi
26	Tenaga pengajar dapat mengawal kelas dengan baik	4.50	0.57	Tinggi
27	Tenaga pengajar membuat penerangan secara berulang-ulang kepada saudara baru yang lemah	4.73	0.52	Tinggi
28	Tenaga pengajar dapat menyampaikan pengajaran dengan kaedah yang menarik	4.63	0.49	Tinggi
29	Tenaga pengajar meminta saudara baru menerangkan semula apa yang diajar	4.40	0.62	Tinggi
30	Tenaga pengajar mengenal pasti saudara baru yang lemah untuk diberi penerangan yang khusus	4.43	0.68	Tinggi
31	Tenaga pengajar membahagikan saudara baru mengikut kumpulan kecil untuk aktiviti pembelajaran	4.20	0.85	Tinggi
32	Tenaga pengajar menggunakan naqib (ketua) untuk aktiviti pembelajaran	3.70	0.95	Tinggi
33	Tenaga pengajar memberi pujian kepada saudara baru yang menguasai pembelajaran	4.17	0.75	Tinggi
34	Tenaga pengajar mempelbagaikan contoh teori dan amali terhadap isi pelajaran di dalam kelas	4.23	0.63	Tinggi
35	Tenaga pengajar dapat mengajar dengan berkesan walaupun peruntukan masa pengajaran terhad	4.20	0.61	Tinggi

36	Tenaga pengajar memilih saudara baru yang lemah dalam penguasaan subjek untuk diberi latihan yang berterusan	3.73	0.74	Tinggi
37	Tenaga pengajar berbincang dengan pelajar untuk mendalami ajaran Islam	4.43	0.68	Tinggi
38	Tenaga pengajar menggalakkan saudara baru menilai kelemahan mereka dalam memahami dan menghayati subjek-subjek yang diajar	4.13	0.63	Tinggi
39	Tenaga pengajar memberi kefahaman yang jelas tentang sesuatu topik yang diajar	4.47	0.57	Tinggi
40	Tenaga pengajar mengambil kira kemampuan dan keupayaan saudara baru ketika sesi pengajaran berlangsung	4.27	0.64	Tinggi
41	Tenaga pengajar memperbetulkan kefahaman pelajar yang bermasalah semasa pengajaran	4.47	0.57	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>		2.30	0.49	Rendah

(Sumber : Soal Selidik 2016)

Jadual 3 mendapati bahawa setiap item bagi penerimaan mualaf terhadap kaedah pengajaran berada pada tahap tinggi, sederhana dan rendah. Nilai min paling tinggi dicapai oleh item 27 (Tenaga pengajar membuat penerangan secara berulang-ulang kepada saudara baru yang lemah) iaitu nilai min = 4.73 dengan sisihan piawai = 0.52. Diikuti dengan item 25 (Cara pengajaran tenaga pengajar menyebabkan saya lebih berminat mempelajari ajaran Islam) yang mendapat nilai min yang tinggi juga iaitu nilai min = 4.63 dengan sisihan piawai = 0.49. Item yang mendapat nilai min yang sederhana ialah item 8 (Tenaga pengajar meneruskan sesi pengajaran tanpa membuka ruang sesi soal jawab bersama pelajar) dengan nilai min = 2.5 dan sisihan piawai = 1.50. Manakala item yang paling rendah iaitu item 16 (Tenaga pengajar kurang memberi tumpuan terhadap kefahaman pelajar) dengan nilai min = 2.30 dan sisihan piawai = 1.09. Keseluruhannya nilai min penerimaan mualaf terhadap kaedah pengajaran berada pada tahap rendah iaitu mencatatkan nilai min = 2.30 dengan sisihan piawai = 0.49.

ii. Penerimaan mualaf terhadap modul pengajaran

Bagi melihat penerimaan mualaf terhadap modul pengajaran di IDIP, analisis deskriptif telah digunakan untuk mentafsir data yang telah dikumpul. Hasil analisis deskriptif ini dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mengandungi nilai min dan sisihan piawai.

Jadual 4 Penerimaan Mualaf Terhadap Modul Pengajaran di IDIP

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Tenaga pengajar memperkenalkan tajuk pengajaran setiap kali mengajar sesuatu topik	4.63	0.56	Tinggi
2	Tenaga pengajar mengaitkan pembelajaran dalam kelas dengan amalan kehidupan seharian	4.30	0.70	Tinggi

	Tenaga pengajar mengaitkan pembelajaran dalam kelas dengan permasalahan yang berlaku di luar kelas	4.03	0.93	Tinggi
3	Tenaga pengajar menekankan aspek adab ketika menuntut ilmu	4.50	0.57	Tinggi
4	Tenaga pengajar menyampaikan pengajaran mengikut modul dengan tersusun dan lancar	4.33	0.71	Tinggi
5	Tenaga pengajar dapat menjawab persoalan berkaitan akidah dengan jelas	4.67	0.48	Tinggi
6	Tenaga pengajar dapat menjawab persoalan berkaitan pelaksanaan ibadah solat, puasa, zakat dan haji dengan jelas	4.67	0.48	Tinggi
7	Tenaga pengajar dapat menjawab persoalan berkaitan dengan akhlak dengan jelas	4.73	0.45	Tinggi
8	Tenaga pengajar dapat menunjukkan latihan praktikal / amali dalam pelaksanaan ibadah dengan baik	4.53	0.57	Tinggi
9	Tenaga pengajar merumuskan isi pelajaran setiap subjek yang disampaikan	4.40	0.50	Tinggi
10	Tenaga pengajar meminta saudara baru menjelaskan semula isi-isi pelajaran yang diajar sebelum meneruskan topik yang seterusnya	4.27	0.69	Tinggi
11	Tenaga pengajar tidak melakukan latihan amali dalam bab ibadah solat, azan dan sebagainya	2.00	1.44	Rendah
12	Tenaga pengajar mengajar mengikut tahap yang sesuai sebagaimana yang ada dalam modul saudara baru	4.00	0.69	Tinggi
13	Tenaga pengajar membimbing saudara baru untuk merumuskan pelajaran berkaitan subjek yang diajar	4.30	0.53	Tinggi
14	Tenaga pengajar tidak menggunakan modul pengajaran yang disediakan	2.07	1.01	Rendah
15	Kandungan dalam modul pengajaran saudara baru terlalu tinggi	2.83	1.18	Sederhana
	<b>Min Keseluruhan</b>	2.00	0.45	Rendah

(Sumber : Soal Selidik 2016)

Jadual 4 mendapati bahawa setiap item bagi penerimaan mualaf terhadap modul pengajaran berada pada tahap tinggi, sederhana dan rendah. Nilai min paling tinggi dicapai oleh item 8 (Tenaga pengajar dapat menjawab persoalan berkaitan dengan akhlak dengan jelas) iaitu nilai min = 4.73 dengan sisihan piawai = 0.45. Diikuti dengan item 6 (Tenaga pengajar dapat menjawab persoalan berkaitan akidah dengan jelas) dan item 7 (Tenaga pengajar dapat menjawab persoalan berkaitan pelaksanaan

ibadah solat, puasa, zakat dan haji dengan jelas) yang masing-masing mendapat nilai min yang tinggi juga iaitu nilai min = 4.67 dengan sisihan piawai = 0.48. Item yang mendapat nilai min yang sederhana ialah item 16 (Kandungan dalam modul pengajaran saudara baru terlalu tinggi) dengan nilai min = 2.83 dan sisihan piawai = 1.18. Manakala item yang paling rendah iaitu item 12 (Tenaga pengajar tidak melakukan latihan amali dalam bab ibadah solat, azan dan sebagainya) dengan nilai min = 2.00 dan sisihan piawai = 1.44. Keseluruhannya nilai min penerimaan mualaf terhadap modul pengajaran berada pada tahap rendah iaitu mencatatkan nilai min = 2.00 dengan sisihan piawai = 0.45.

iii. Penerimaan mualaf terhadap bahan pengajaran

Bagi melihat penerimaan mualaf terhadap bahan pengajaran di IDIP, analisis deskriptif telah digunakan untuk mentafsir data yang telah dikumpul. Hasil analisis deskriptif ini dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mengandungi nilai min dan sisihan piawai.

Jadual 5 Penerimaan Mualaf Terhadap Bahan Pengajaran di IDIP

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Tenaga pengajar menggunakan alat bantu yang terkini untuk mengajar.	3.37	0.96	Tinggi
2	Tenaga pengajar menggunakan alat bantu mengajar yang menarik.	3.47	0.94	Tinggi
3	Tenaga pengajar mempelbagaikan alat bantu mengajar setiap kali sesi pengajaran.	3.43	0.94	Tinggi
4	Tenaga pengajar menggunakan modul pengajaran saudara baru untuk mengajar.	3.97	0.81	Tinggi
5	Tenaga pengajar menyediakan peta minda sebagai alat bantu mengajar.	4.27	0.83	Tinggi
6	Alat bantu mengajar yang disediakan membantu saudara baru menguasai pelajaran.	4.27	0.58	Tinggi
7	Penggunaan alat bantu mengajar oleh tenaga pengajar dapat menarik perhatian saudara baru.	4.10	0.76	Tinggi
8	Tenaga pengajar menggunakan perisian komputer untuk mengajar subjek tertentu kepada saudara baru.	3.60	1.07	Tinggi
9	Tenaga pengajar menggunakan alat pemancar (LCD) sebagai alat bantu mengajar.	3.27	1.14	Tinggi
10	Tenaga pengajar menggunakan alat bantu mengajar yang sama setiap kali mengajar	3.10	1.03	Tinggi
11	Alat bantu mengajar yang digunakan oleh tenaga pengajar tidak sesuai untuk sesi pengajaran saudara baru	2.30	1.12	Rendah

12	Penggunaan alat bantu mengajar oleh tenaga pengajar tidak membantu minat pelajar untuk menguasai isi pelajaran	2.30	0.92	Rendah
<b>Min Keseluruhan</b>		2.30	0.58	Rendah

(Sumber : Soal Selidik 2016)

Jadual 5 mendapati bahawa setiap item bagi penerimaan mualaf terhadap bahan pengajaran berada pada tahap tinggi dan rendah. Nilai min paling tinggi dicapai oleh item 5 (Tenaga pengajar menyediakan peta minda sebagai alat bantu mengajar) iaitu nilai min = 4.27 dengan sisihan piawai = 0.83. Diikuti dengan item 6 (Alat bantu mengajar yang disediakan membantu saudara baru menguasai pelajaran) mendapat nilai min yang tinggi juga iaitu nilai min = 4.27 dengan sisihan piawai = 0.58. Manakala item yang paling rendah iaitu item 12 (Penggunaan alat bantu mengajar oleh tenaga pengajar tidak membantu minat pelajar untuk menguasai isi pelajaran) dengan nilai min = 2.30 dan sisihan piawai = 0.92. Keseluruhannya nilai min penerimaan mualaf terhadap bahan pengajaran berada pada tahap rendah iaitu mencatatkan nilai min = 2.30 dengan sisihan piawai = 0.58.

- iv. Penerimaan mualaf terhadap sahsiah dan akhlak tenaga pengajar  
 Bagi melihat penerimaan mualaf terhadap sahsiah dan akhlak tenaga pengajar di IDIP, analisis deskriptif telah digunakan untuk mentafsir data yang telah dikumpul. Hasil analisis deskriptif ini dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mengandungi nilai min dan sisihan piawai.

Jadual 6 Penerimaan Mualaf Terhadap Sahsiah dan Akhlak Tenaga Pengajar di IDIP

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Tenaga pengajar menepati waktu semasa memulakan pengajaran dalam kelas	4.03	0.89	Tinggi
2	Tenaga pengajar mengamalkan sikap lemah lembut ketika sesi pengajaran	4.27	0.69	Tinggi
3	Tenaga pengajar sangat menekankan aspek hormat-menghormati di antara tenaga pengajar dan saudara baru	4.37	0.56	Tinggi
4	Tenaga pengajar sentiasa bertolak ansur dengan saudara baru	4.40	0.56	Tinggi
5	Tenaga pengajar menunjukkan sifat kasih sayang yang tinggi terhadap saudara baru	4.37	0.67	Tinggi
6	Tenaga pengajar sentiasa memberikan pengisian tazkiyat al-nafs kepada saudara baru	4.17	0.65	Tinggi
7	Tenaga pengajar berpakaian kemas	4.40	0.56	Tinggi
8	Tenaga pengajar mempermerkan qudwah hasanah (ikutan yang baik) kepada para pelajar	4.53	0.57	Tinggi
9	Tenaga pengajar menunjukkan sifat tawadhus dan rendah diri	4.03	0.72	Tinggi

10	Tenaga pengajar sentiasa hadir lewat ke kelas	2.17	1.23	Rendah
11	Tenaga pengajar tidak menjawab soalan yang diajukan dengan jelas	2.23	1.22	Rendah
12	Tenaga pengajar tidak menunjukkan kredibiliti sebagai tenaga pengajar	2.03	1.10	Rendah
<b>Min Keseluruhan</b>		2.03	0.56	Rendah

(Sumber : Soal Selidik 2016)

Jadual 6 mendapati bahawa setiap item bagi penerimaan mualaf terhadap sahsiah dan akhlak tenaga pengajar berada pada tahap tinggi dan rendah. Nilai min paling tinggi dicapai oleh item 8 (Tenaga pengajar mempamerkan qudwah hasanah [ikutan yang baik] kepada para pelajar) iaitu nilai min = 4.53 dengan sisihan piawai = 0.57. Diikuti dengan item 4 (Tenaga pengajar sentiasa bertolak ansur dengan saudara baru) dan item 7 (Tenaga pengajar berpakaian kemas) yang masing-masing mendapat nilai min yang tinggi juga iaitu nilai min = 4.40 dengan sisihan piawai = 0.56. Manakala item yang paling rendah iaitu item 12 (Tenaga pengajar tidak menunjukkan kredibiliti sebagai tenaga pengajar) dengan nilai min = 2.03 dan sisihan piawai = 1.10. Keseluruhananya nilai min penerimaan mualaf terhadap sahsiah dan akhlak tenaga pengajar berada pada tahap rendah iaitu mencatatkan nilai min = 2.03 dengan sisihan piawai = 0.56.

## 8. PENUTUP

Kesimpulannya kajian ini telah mencapai objektif yang ditetapkan. Namun terdapat beberapa kekurangan yang perlu diperbaiki, antaranya yang melibatkan kaedah pengajaran terancang, modul yang perlu digubal dengan baik serta perlu ada aspek pemantauan pelaksanaan pengajaran dalam kalangan tenaga pengajar. Hasil-hasil kajian yang diperoleh adalah berdasarkan situasi semasa kajian ini dibuat dan boleh dijadikan panduan untuk kajian akan datang. Cadangan-cadangan yang diberikan berdasarkan keputusan kajian yang diperoleh untuk pertimbangan, perhatian dan tindakan pihak-pihak yang terbabit selaras dengan usaha untuk memantapkan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan bagi meningkatkan lagi tahap penerimaan mualaf di IDIP. Kerjasama daripada semua pihak yang melibatkan pihak pengurusan, tenaga pengajar dan juga pelajar amat perlu bagi memberi impak yang lebih baik terhadap proses pengajaran. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat membantu dalam memperbanyak lagi kajian berkaitan aspek pengajaran mualaf yang melibatkan kaedah, teknik dan strategi yang sesuai untuk digunakan dalam pelaksanaan pengajaran.

## 9. RUJUKAN

- ‘Abd al-‘Aziz ‘Abd Allah bin Baz. (1413). Majmu Fataawa Ibnu Baz. Maktabah al-Ma’arif.
- ‘Abd al-Karim Zaidan. (1410). Usul al-Dakwah. Maktabah al-Manar al-Islami.
- Ab. Aziz Mohd. Zin. (2005). Pengantar Dakwah Islamiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Qaradhawi, Yusof. 1978. Thaqafat al-Da’iyah. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Sabuniy, Muhammad Ali. 2001. Rawai’ al-Bayan: Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Qur’an. Jakarta: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Al-Zarqani, Muhammad Abdul Adzim. 2001. Manaahil al-Irfan fii Ulum al-Qur'an. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibnu Manzur. (2003). Lisan al-arab. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Jum’ah Amin Abd al-Aziz. (1409). Al-Dakwah Qawa’id wa Usul. Dar al-Da’wah wa al-Nashr.

- Mohd Amin Abdul Rahim. (2007). Panduan Dakwah Secara Praktikal. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn.Bhd.
- Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuni. (1991). Al-Madkhal Ilia ‘Ilm al-Da’wah: Dirasah Manhajiyah Shamilah. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Muhammad Amahzun. (2002). Manhajun Nabiyy fi al-Dakwah min Sirah al-Sohihah: al-Ma’rifat , al-Tarbiyyah, al-Takhtit, al-Tanzim. Terj, Anis Maftukhin & Nandang Burhanuddin. Jakarta: Qisthi Press.
- Othman Lebar. 2015. Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metode. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Rozmi Ismail. 2013. Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Syamsul Bahri Andi Galigo, Khairunneezam Mohd Noor, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Rozali & Rozita Abdullah. 2005. Membangun Masyarakat Moden yang Berilmu dan Berakh�ak. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia.